



**UCAPAN  
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN  
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI BILANGAN 1/2019**

**DEWAN BAIDURI**

**PADA 8 JANUARI 2019**

---

Terima kasih Pengacara Majlis.

**YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,**  
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YBHG. DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS);

**YBHG. DATO' HAJI SUHAIMI BIN MAMAT,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

**YANG BERBAHAGIA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

**YANG BERUSAHA ENCIK BADURUNHISAM BIN MOHD NOR;**  
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan),

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit dan para hadirin sekalian.

## **SELAMAT PAGI DAN SALAM SEJAHATERA**

1. Terima kasih kepada pihak Urusetia yang telah mengaturkan majlis perhimpunan KATS yang pertama bagi tahun 2019 dan memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan amanat tahun baharu.
2. Selamat Tahun Baru 2019 kepada semua rakyat Malaysia termasuk warga KATS serta Jabatan dan Agensi di bawahnya yang sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Datang kepada YBhg. Datuk Zurinah binti Pawanteh, Ketua Setiausaha KATS yang baru yang menggantikan YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong yang kini menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI).
3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga KATS dan Jabatan/Agensi di atas sumbangan mereka ke arah menjayakan semua program Kementerian sepanjang tahun 2018. Kejayaan terbesar kita pada tahun lalu ialah apabila Kerajaan Pakatan Harapan berjaya memenangi Pilihan raya Umum ke 14 (PRU14) pada 9 Mei 2018 dan membentuk Kerajaan Malaysia baharu.
4. Pada 2 Julai 2018, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah disusun semula menjadi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Mulai 2 Julai 2018 hingga Disember 2018 pelbagai program KATS telah diatur dan dilaksanakan dengan cemerlang hasil kerjasama Kementerian dan Jabatan serta Agensi di bawah KATS.

## AMANAT TAHUN BARU

Hadirin sekalian.

5. Masa beredar dengan begitu pantas. Kita sentiasa membina azam baru apabila tibanya tahun baru. Manakala azam tahun baru kita di KATS perlulah bersesuaian dengan Visi KATS itu sendiri iaitu sebagai **Peneraju pengurusan air, tanah dan sumber asli secara mampan untuk kesejahteraan negara.**
6. Pada penghujung tahun lepas, Pengurusan Tertinggi KATS serta Jabatan dan telah selesai melaksanakan *Management Retreat* dan **merangka 58 strategi dan 122 program untuk tempoh lima tahun melalui Pelan Strategik KATS 2019-2023.**
7. Rakyat bukan sahaja ingin melihat kepada perancangan kita semata-mata tetapi mereka juga ingin melihat program yang dirancang itu dilaksanakan. Mereka bukan sahaja mahu melihat *output* bahkan *outcome* perbincangan tersebut.
8. Sehubungan itu, Tahun 2019 ini adalah tahun untuk kita semua bekerja keras, meningkatkan usaha dan melaksanakan apa jua yang telah dirancang. Walaupun terdapat banyak perancangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan, secara umum, saya ingin menggariskan tiga program utama yang menjadi fokus saya bagi tahun ini iaitu **Program Konservasi Harimau Malaya, Reformasi Dalam Perkhidmatan Air Negara yang Holistik dan Kesiapsagaan Negara bagi menghadapi Fenomena El-Nino.**

## 9. KONSERVASI HARIMAU MALAYA

Hadirin sekalian,

Harimau Malaya merupakan spesies ikonik Negara Malaysia. Simbol-simbol rasmi Negara seperti Jata Negara atau logo agensi kerajaan turut menggunakan Harimau Malaya sebagai ikon. Harimau Malaya merupakan khazanah negara kita yang tidak ternilai dan kita harus memastikan bahawa ianya dilindungi sepenuhnya supaya ia tidak diancam kepupusan.

Malaysia melalui persetujuan 13 negara harimau (*Tiger Range Countries-TRC*) semasa *St. Petersburg Declaration on Tiger Conservation* sempena *Global Tiger Summit* yang telah diadakan di St. Petersburg, Russia pada November 2010 telah bersetuju untuk mempergiatkan usaha memulihara populasi harimau liar yang semakin menurun secara global dan menggandakan populasi harimau liar di negara masing-masing menjelang tahun 2022.

Harimau Malaya atau Harimau Belang merupakan hidupan liar yang terancam dan dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)* menyenaraikan Harimau Malaya sebagai Appendix I manakala IUCN Red List of Threatened Species telah mengelaskan Harimau Malaya sebagai '*Critically Endangered*'.

Sehingga kini, dianggarkan populasi harimau adalah di antara **250-340 ekor** yang berkeliaran di tiga (3) kawasan habitat utama harimau di Malaysia iaitu di Kompleks Taman Negara, Endau-Rompin dan Belum-

Temengor. Anggaran bilangan harimau diperolehi melalui kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bersama beberapa Agensi Bukan Kerajaan (NGO) di antara tahun 2010-2013.

Namun begitu, populasi harimau liar negara kita menghadapi pelbagai **ancaman** berikutan pengurangan kawasan habitat dan keliaran harimau, akibat aktiviti pembukaan hutan dan perubahan guna tanah.

Populasi harimau turut diancam akibat perlakuan manusia. Pemburuan haram, perdagangan haram, penyeludupan, eksploitasi hidupan liar terancam serta pelbagai lagi jenayah hidupan liar menjadi pendorong kepada kepupusan harimau.

Sebagai komitmen kepada langkah pemuliharaan harimau di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan **Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (*National Tiger Conservation Action Plan, NTCAP*) 2008 – 2020** di mana matlamat utama pelan ini adalah untuk menggandakan populasi harimau liar di Malaysia menjelang 2020. Menerusi pelan ini, empat (4) strategi telah diwujudkan untuk memastikan kelangsungan populasi liar harimau di Malaysia iaitu perlindungan habitat, perlindungan spesies, pengurusan konflik manusia - harimau dan penyelidikan.

## **10. REFORMASI PENGURUSAN PERKHIDMATAN AIR NEGARA**

Hadirin sekalian.

Tahun 2019 penting kerana KATS akan melakukan reformasi dalam perkhidmatan air yang merupakan salah satu daripada tugas utama kita di sini.

Industri perkhidmatan air di negara ini mula mengalami reformasi sejak tahun 2006 lagi dan kini berada pada tahap dan situasi baik di mana Malaysia kini sudah melepasi lebih 95.5 peratus dalam memastikan rakyat mendapat bekalan air minuman bersih.

Melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Akta SPAN (Akta 654) dan melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah meletakkan perkhidmatan bekalan air/pembetulan di bawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan bagi mengawal selia industri perkhidmatan air secara holistik dan menganjak industri ke rejim perlesenan yang lebih ketat serta memfokuskan pada kualiti perkhidmatan operator. Ini diharapkan akan menambahbaik prestasi tahap perkhidmatan di samping meningkatkan kerjasama sesama operator.

Bagi mengekalkan kualiti perkhidmatan air yang dibekalkan mencapai standard antarabangsa yang ditetapkan, pengawalseliaan yang ketat dan efisien ke atas operator adalah amat diperlukan selain daripada penyenggaraan dan penetapan tarif air yang wajar.

Kita sedia maklum bahawa antara halangan yang dihadapi oleh operator dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan adalah disebabkan oleh kedudukan kewangan mereka yang tidak mapan sehingga menyebabkan ketidakupayaan mereka untuk melaksanakan operasi harian. Situasi sumber kewangan terhadap tersebut turut memperlahankan usaha menaiktaraf kualiti perkhidmatan melalui pelaburan infrastruktur secara lebih efisien yang memerlukan dana yang besar.

Kita sedia maklum bahawa tarif adalah merupakan satu isu sensitif. Namun masyarakat harus sedar bahawa dalam tempoh lebih daripada dua atau tiga dekad, ada negeri yang tidak pernah menaikkan tarif air sedangkan perbelanjaan sekarang adalah mengikut harga kos semasa. Ianya tidak seiring dan sebab itulah kita terpaksa menaikkan tarif air di Malaysia. Contoh kali terakhir tarif air di negeri Pahang disemak ialah pada tahun 1983.

Kita akan melaksanakan semakan tarif air ini pada tahun ini. Jika rakyat hendakkan perkhidmatan air bertaraf dunia, rakyat perlu bersedia untuk membayar pada harga yang setimpal dengan perkhidmatan yang disediakan. Di masa yang sama, saya menyeru syarikat-syarikat yang terbabit dalam industri air agar mengkaji dan meneliti bagaimana mereka boleh mengurangkan kos perkhidmatan untuk operasi di loji masing-masing.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kenaikan kadar tarif air adalah tidak sama bagi setiap negeri. Malah kadar tarif juga tidak boleh diseragamkan pada masa ini kerana senario serta obligasi perbelanjaan dan keperluan yang tidak sama di setiap negeri.

Apa yang penting kenaikan tarif air itu haruslah dilakukan secara terkawal dan melindungi kepentingan pengguna secara keseluruhan di samping berupaya meningkatkan kecekapan operator air selain telus, adil dan mudah difahami.

## **11. KESIAPSAGAAN NEGARA MENGHADAPI FENOMENA EL-NINO**

Hadirin sekalian.

Negara kita diramal akan menghadapi Fenomena El Nino pada awal tahun ini. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, Fenomena El Nino dijangka terbentuk dan berterusan di Hemisfera Utara bermula penghujung tahun 2018 dengan 90% kebarangkalian sehingga suku tahun pertama 2019 dengan 60% kebarangkalian.

El Nino ini adalah merujuk kepada fenomena peningkatan suhu arus lautan khususnya arus Lautan Pasifik. Ia boleh mengubah pola tiupan angin timuran yang membawa hujan menjadi angin kering selain menyebabkan suhu setempat menjadi panas dan berlaku kemarau yang panjang.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab menerajui pengurusan air, tanah dan sumber asli negara, perkara-perkara berkaitan musim kemarau sememangnya memberikan impak terus kepada kita yang bertanggungjawab bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang menjadi nadi kepada kehidupan, ekonomi dan sosial negara terkawal.

Bukan sahaja Jabatan Bekalan Air (JBA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang perlu bersedia, bahkan Jabatan-Jabatan seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) turut mempunyai peranan dalam kesiapsagaan negara bagi menghadapi fenomena El Nino. Ini adalah kerana selain boleh mengakibatkan penyusutan bekalan air di kawasan empangan, kemarau dan musim panas juga boleh menyebabkan berlaku jerebu, pembakaran hutan terutamanya di kawasan hutan tanah gambut

yang sukar dikawal dan kemungkinan berlakunya Fenomena Kelunturan Karang atau *Coral Bleaching* yang secara tidak langsung boleh menjejaskan biodiversiti marin negara sekiranya fenomena El Nino tersebut berlarutan.

KATS perlulah sentiasa bersedia berkerjasama dengan Kementerian-Kementerian lain seperti (MESTECC), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Ini penting kerana KATS sahaja tidak boleh bekerja secara sendirian dalam mengalas tugas dan tanggungjawab menerajui pengurusan air, tanah dan sumber asli secara mampan untuk kesejahteraan negara

Hadirin Sekalian

12. Marilah kita bersama-sama meningkatkan azam sempena kehadiran tahun baru ini, berkerja sebagai satu pasukan bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan. Rakyat telah memberi kepercayaan dan memilih kita untuk mentadbir negara ini dan kini tiba masanya untuk kita memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di mana kita juga adalah merupakan sebahagian daripada rakyat tersebut.

13 Memetik ucapan Yang Amat Berhormat Tun Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia sewaktu sambutan tahun baharu 2019, marilah kita bersama-sama sebagai rakyat Malaysia berusaha dengan lebih gigih pada tahun 2019 dalam menggerakkan Malaysia ke arah menjadi negara maju pada tahun 2025.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak urus setia yang telah menjayakan perhimpunan bulanan kita pada hari ini.

15. Selamat Tahun Baru 2019 kepada semua warga KATS dan warga Jabatan/agensi yang sudi hadir ke majlis kita pada pagi ini

Sekian terima kasih.